

# Program TVET atasi kekurangan pekerja mahir

Berita Harian  
20 Sept 2016 Selasa

**Kuala Lumpur:** Negara kini berdepan kekurangan pekerja mahir dalam pelbagai bidang industri berikut jumlah permintaan melebihi penawaran.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Lee Chee Leong, berkata kekurangan tenaga kerja berkemahiran itu sekali gus menjadi penghalang kepada agenda negara untuk mencapai status negara maju.

"Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan menyokong penuh program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam sistem pendidikan bagi mengekalkan tenaga mahir bertaraf antarabangsa.

## Kurang kebergantungan

"Usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing tetapi jumlah pengaliran wang ke luar negara dapat dikurangkan.

"Institut latihan vokasional yang menyediakan kursus kemahiran bertaraf antarabangsa dalam pel-



Kekurangan tenaga kerja berkemahiran jadi penghalang kepada agenda capai status negara maju"

**Lee Chee Leong,**  
Timbalan Menteri Kewangan II

bagai bidang pula secara tidak langsung dapat membangunkan aliran baru pendapatan.

"Keadaan ini sekali gus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memberi kesan positif kepada ekonomi negara," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kingswright Institute of Hair and Beauty bersama JUNO ACA-DEMY, dari Korea Selatan.

Kingswright sebuah institut pendidikan rambut akan membuat pengambilan pertama pelajarannya pada Disember ini.

Seramai 200 pelajar akan mengikuti pengajian selama 18 bulan bagi Program Diploma Dandanan Rambut di kampusnya di Cyberjaya.

Ketua Kumpulan Pegawai Eksekutif Kingswright Institute, Datuk Yee Tuck Sing, berkata JUNO ACA-DEMY dipilih kerana institusi itu adalah peneraju dalam bidang dandanan rambut di Korea Selatan.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]



**Tuck Sing (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pegawai Eksekutif JUNO Academy, Kang Yun Seon sambil disaksikan Duta Besar Korea Selatan ke Malaysia, Yu Hyun Seok, di Kuala Lumpur, semalam.**